



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

SME CORP. MALAYSIA PERKASA PESERTA TUBE KE ARAH AGENDA TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

Kuala Lumpur, 23 Februari 2017 – SME Corp. Malaysia hari ini menganjurkan Program *Meet & Greet Tubers* 3.0 di mana peserta-peserta Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 3.0 berkumpul untuk satu sesi jalinan perniagaan, rantaian bekalan dan perkhidmatan selain saling bertukar maklumat perniagaan di kalangan peserta TUBE 3.0 yang datang daripada pelbagai negeri. Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah bimbingan dan pemantauan oleh SME Corp. Malaysia terhadap peserta, yang mana melalui platform ini para peserta TUBE boleh menimba ilmu, bertukar idea serta berinteraksi dengan usahawan seangkatan mereka yang telah berjaya. Ini sekaligus memastikan kelangsungan hubungan di antara usahawan belia ini dengan SME Corp. Malaysia dan menyokong merealisasikan agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia, YBhg. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, turut meluangkan masa bersama para peserta TUBE 3.0 dengan memberikan taklimat khas tentang “Belia Sebagai Agen Pemangkin Keusahawanan ke arah TN50”. Di dalam sesi taklimat ini, beliau memberikan pendedahan terhadap agenda TN50 dan trend perniagaan terkini bagi menyokong pembangunan belia di dalam dunia keusahawanan melalui persekitaran yang kondusif dengan sokongan penuh Kerajaan, seperti Program TUBE dan lain-lain program keusahawanan oleh Kementerian dan Agensi berkaitan.

Selain itu, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia ini turut menyentuh tentang penggunaan aplikasi e-Dagang yang semakin popular di peringkat global, terutamanya

di kalangan para belia. YBhg. Datuk juga menegaskan bahawa para usahawan kini perlu memahami akan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), di mana ia bukan sahaja akan menukar lanskap perniagaan tetapi juga gaya hidup manusia di dalam semua aspek kehidupan seharian di masa akan datang. Ini bermaksud, perniagaan harus berubah seiring dengan keadaan semasa yang mana keperluan modal bukan lagi satu keutamaan, tetapi pengetahuan berkaitan teknologi, seperti komputer dan automasi, menjadi agen perkembangan perniagaan. Ekonomi digital memungkinkan kewujudan perniagaan di mana sahaja dan apa sahaja tanpa memerlukan kewujudan fizikal. Sehubungan itu, YBhg. Datuk menyarankan agar peluang perniagaan dengan pasaran yang sangat luas ini perlu diambil dan digunakan sebaik mungkin.

Dengan sasaran untuk melonjakkan pendapatan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) melalui perwujudan usahawan berjaya di kalangan belia Bumiputera, perjumpaan sebegini diharap dapat membantu usahawan belia dalam memperkasa diri melalui perkongsian maklumat, pengalaman serta idea sesama peserta bagi menghadapi cabaran masa depan. Dalam pada itu, program ini turut menampilkan usahawan selebriti, Fizo Omar, yang berkongsi pengalaman beliau menjalankan perniagaan, cabaran yang dihadapi serta beberapa teknik perniagaan yang berkesan. Perkongsian dan kolaborasi sebegini dilihat mampu mengalakkan para belia untuk menceburkan diri di dalam dunia keusahawanan.

Sehingga kini, Program TUBE anjuran SME Corp. Malaysia telah melahirkan 1,424 usahawan belia Bumiputera dengan nilai jualan terkumpul sebanyak RM36.2 juta dan telah berjaya mewujudkan 2,768 peluang pekerjaan baharu. Seiring dengan pengumuman tahun 2017 sebagai tahun “Memulakan Perniagaan dan Mempromosikan PKS”, SME Corp. Malaysia mensasarkan sejumlah 1,000 belia untuk dilatih di bawah Program TUBE Mega, berbanding 500 belia setahun sebelum ini.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Cik Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 (amysarah@smecorp.gov.my) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 (muizzyusof@smecorp.gov.my).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

e-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.